

# Jawatankuasa khas, Ombudsman usaha lindungi anak tak bernegara

● Keputusan menentukan individu layak menerima status kerakyatan perlu diteliti dan dilindungi Perlembagaan Persekutuan

● Terdapat keperluan menambahkan perlindungan diberikan kepada kanak-kanak berisiko memikul status 'tidak bernegara'



Oleh Rachel Decruz  
bhrenanca@bh.com.my

Penyelidik Kanan  
di ASEAN Research  
Center, Asia School  
of Business  
Kuala Lumpur

Setiap negara bergantung kepada perlindungan undang-undang tempatan serta antarabangsa untuk memelihara kedaulatannya, sekali gus berusaha melihara sempadan daripada diceroboh dan mengawal kegiatan dalam wilayah kedaulatannya.

Langkah penting diambil termasuk membabitkan pendaftaran individu berada dalam sempadannya. Ini bukan sahaja menjadi tanda kuasa dan kedaulatan, bahkan membolehkan sumber ekonomi terhad diajukan mengikut tatatangkap hak individu mendiami di se sebuah kawasan.

Negara boleh mengambil keputusan ini berdasarkan faktor kelahiran manusia di sebuah lokasi (*jus soli*) atau pertalian darah dengan ibu bapanya yang menjadi warganegara atau pemasautan tetap (*jus sanguinis*).

Kewarganegaraan menjadi asas kepada hak untuk membabitkan diri secara aktif dalam aktiviti ekonomi dan mendapat pendidikan serta rawatan perubatan. Ia menjadi titik permulaan untuk membolehkan seseorang mewakili negara sendiri contohnya dalam sukan, persidangan politik dan aktiviti melancang.

Hak bernegara dilindungi bawah Perisyihiran Hak Manusia Sejagat 1948. Menurut Perkara 15, setiap orang berhak kepada suatu kewarganegaraan.

Perlembagaan Persekutuan melindungi konsep kewarganegaraan rakyat. Warganegara berusia 12 tahun ke atas diberikan kad pengenalan biru sebagai tanda pemilikan haknya untuk bernegara.

Di negara ini, kerakyatan diberikan menerusi prinsip *jus soli* dan *jus sanguinis*. Pemberian ini penting dikawal selia kerajaan bebas, berdaulat dan berkusa. Keputusan menentukan individu layak menerima status itu tidak boleh diambil remeh.

Namun, keputusan menafikan kewarganegaraan berpotensi mengakibatkan hak seseorang tergugat. Ia menggugat hak individu untuk bernegara apabila individu dalam sempadan sebuah negara tidak layak menjadi warganegara di mana-mana juga negara lain.

Individu tidak layak dikurniakan kewarganegaraan oleh mana-mana negara contohnya atas dasar *jus sanguinis*, *jus soli*, naturalisasi atau pemerolehan, hanya bergantung belas ehsan negara kediannya untuk mengelakkan tergolong 'tidak bernegara'.

Secara umumnya, sekiranya seseorang tidak layak mendapat kewarganegaraan asing dan turut dinafikan kewarganegaraan di negara kediannya, individu terbabit dianggap berstatus 'tidak bernegara'.

Bagi individu tidak bernegara di negara ini, aspek kehidupan seperti kebebasan melanjutkan pelajaran, bekerja secara sah dan melancang ke luar negara di luar gawai. Golongan ini ibarat banduan dan sempadan negara menjadi tirai besar.

Kini, Perlembagaan Persekutuan masih memberikan perlindungan undang-undang kepada individu terdedah kepada risiko status 'tidak bernegara'. Perlindungan dikurniakan itu disokong usaha pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Jaringan Pembangunan Manusia Luar Bandar (DHRRA).

DHRRA contohnya menyokong ramai kanakan bawah usia 21 dalam permohonan mendapatkan kewarganegaraan menerusi saluran dibenarkan bawah Bahagian II dan Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Pada 2023, Kementerian Dalam Negeri (KDN) memacu cadangan pinda tertentu terhadap Perlembagaan Persekutuan. Antara dicadangkan adalah meluaskan lagi golongan berisiko tergolong individu tidak bernegara.

Ini disebabkan pindaan dicadangkan akan membawa kuasa mengurniakan kerakyatan bagi golongan rentan tertentu berihal daripada pelaksanaan undang-undang kepada keputusan eksekutif pegawai kerajaan.

Pada 11 Disember 2023, Majlis Peguam menyuarakan kebingaman mengenai tujuh pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dicadangkan termasuk pemansuhan seksyen 1(e) dan seksyen 2(3) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan yang kini memberikan kewarganegaraan secara pelaksanaan undang-

undang kepada individu yang akan mempunyai status 'tidak bernegara' selain peruntukan berkenaan.

Cadangan pindaan lain menarik perhatian Majlis Peguam ialah pemansuhan perlindungan seksyen 1(A) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan yang kini membentarkan anak pemastautin tetap lahir di negara ini untuk menjadi warganegara menerusi pelaksanaan undang-undang.

Pindaan lain menjadi punca kerisauan juga perlukan hak kanak-kanak dijumpai yang ditinggalkan untuk mendapat kewarganegaraan secara pelaksanaan undang-undang bawah anggapan terkandung dalam Seksyen 19B, Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Ia akan mengehadkan pemberian kewarganegaraan kepada golongan ini menerusi pelaksanaan undang-undang. Bawah peruntukan sedia ada, kanak-kanak berkenaan dianggap lahir di tempat itu berikutan bermastautin secara tetap di tempat berkenaan, sekali gus mengelakkan golongan ini daripada diselar gelaran 'tidak bernegara'.

Antara cadangan diberikan DHRRA Malaysia ialah penubuhan jawatankuasa meneliti isu identiti individu tidak bernegara. Ini disebabkan frasa 'tidak bernegara' merangkumi pelbagai jenis status berbeza.

## Perlindungan kanak-kanak

Namun, sama ada pindaan dicadangkan itu diluluskan Parlimen atau tidak, terdapat keperluan menambahkan perlindungan diberikan kepada kanak-kanak berisiko memikul status 'tidak bernegara'.

Kegemilangan negara diukur perlindungan diberikan kepada individu rentan di bawah naungannya dengan menambah penubuhan pejabat Ombudsman.

Pejabat Ombudsman berpotensi memantau keputusan kerajaan mengenai pemberian kewarganegaraan, sekali gus dapat mengurangkan kegusahan pihak berkepentingan.

Institusi Ombudsman bukanlah asing, bahkan digunakan dalam sektor kewangan. Ombudsman Perkhidmatan Kewangan bersifat tidak berpihak diberikan secara percuma kepada pengguna untuk menyelesaikan pertikaian timbul dengan perkhidmatan kewangan.

Ombudsman bagi isu kenegaraan juga diamalkan di negara lain. Di Amerika Syarikat (AS), Ombudsman bagi Perkhidmatan Kewarganegaraan dan Imigresen (CIS Ombudsman) tidak membuat keputusan berkaitan kewarganegaraan tetapi berkusa memantau isu prosedur seperti kesukaran mendapat temu duga dan kelewatan memproses maklumat.

Penubuhan Ombudsman untuk meneliai pemahaman terhadap keadilan dari segi prosedur dapat memantau tempoh memproses maklumat, kerumitan kertas kerja diperlukan dan pemberian sebab jelas untuk penolakan apa-apa permoohan.

Justeru, institusi Ombudsman mampu menyokong kerajaan mencapai keseimbangan antara kedaulatan negara dengan perlindungan hak asasi individu.

